

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WEE JECK SENG**  
**[ TANJONG PIAI ]**

**TARIKH : 22 MAC 2016 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dalam mengawal selia untuk pengeluaran lesen kenderaan komersial melebihi 5 tan.

**JAWAPAN : YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif-objektif utama pelesenan kenderaan barangan melebihi 5 tan adalah:

- (i) Untuk mengelaskan kategori kenderaan barangan kepada jenis pembawa serta kenderaan yang diberi pengecualian untuk tidak dilesenkan (*decontrolled vehicles*) oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) mengikut komoditi;
- (ii) Untuk mewujudkan keseimbangan penawaran dengan permintaan pasaran bagi lesen yang dikeluarkan terhadap mengikut setiap kategori kenderaan barangan;
- (iii) Untuk mewujudkan piawaian kualiti perkhidmatan bagi setiap sub-kelas kenderaan barangan; dan
- (iv) Untuk mengurangkan jurang (kos operasi) antara pengendali besar dan pengusaha kecil

2. Dari aspek pengawalseliaan, S.P.A.D bertanggungjawab untuk memastikan semua pengendali berdaftar mematuhi keperluan Syarat Lesen yang telah ditetapkan. Bermula tahun 2013, semua pengendali yang berdaftar dengan S.P.A.D adalah diwajibkan untuk mematuhi

Kod Amalan Industri S.P.A.D (S.P.A.D ICOP) bagi memastikan aspek keselamatan kendalian operasi dan kenderaan dititikberatkan.

3. Kod Amalan Industri ini merupakan salah satu usaha untuk menerapkan amalan terbaik dan nilai murni keselamatan di setiap peringkat organisasi bagi menjadikan amalan keselamatan sebagai budaya dan disiplin setiap pengendali kenderaan barangan.

4. Bagi mencapai matlamat ini, usaha berterusan menerusi siri *engagement* bersama pengendali kenderaan barangan dilaksanakan untuk menerangkan berkenaan dasar, polisi, syarat lesen dan pekeliling terkini yang dikeluarkan oleh S.P.A.D. Ia bagi memastikan pengendali peka dengan objektif pelaksanaan setiap dasar yang dikeluarkan dan perkembangan semasa aktiviti pengawalseliaan yang dijalankan oleh S.P.A.D.

Sekian, terima kasih.